

**KAFFAH DAN REMAJA DALAM NOVEL
SESEGAR NAILOFAR DAN RONA BOSPHORUS
(KAFFAH AND THE YOUTH IN SESEGAR NAILOFAR AND
RONA BOSPHORUS)**

Suhada Mohamad

Mawar Safei

Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Remaja merupakan pemimpin pada masa hadapan. Namun remaja hari ini yang dianggap sebagai tunjang kekuatan negara, rata-rata masih terbelenggu dengan pelbagai kemelut sosial. Terdapat banyak kes jenayah yang melibatkan remaja sebagai pelakunya. Antaranya gengsterisme, seks bebas, pembuangan bayi dan penyalahgunaan dadah. Berikutan permasalahan itu, remaja memerlukan model untuk pembentukan sahsiah mereka. Tulisan ini memanfaatkan novel *Sesegar Nailofar* (2000) dan *Rona Bosphorus* (2002) karya Zaid Akhtar bagi meninjau konflik remaja tersebut. Kedua-dua buah novel pertamanya ini diteliti menerusi watak remaja Islam. Penelitian tentang watak dan perwatakan bertujuan melihat ketrampilan mereka untuk dijadikan sebagai model kepada remaja bagi membangunkan kehidupan sosial mereka dengan lebih positif. Bagi tujuan penelitian tersebut, kajian memanfaatkan Gagasan Sastera Profetik, sebuah gagasan sastera Islam yang dikemukakan Kuntowijoyo dari Indonesia sebagai kerangka analisis. Penggunaan Gagasan Sastera Profetik sebagai landasan analisis turut diilhamkan dengan semangat serantau antara Malaysia dengan Indonesia; setelah sekian lama banyak penelitian berkiblatkan teori atau acuan Barat. Gagasan tersebut bertitik tolak daripada ayat 110 surah Ali 'Imran yang menggariskan tiga etika, iaitu

amar makruf (menyuruh kebaikan, humanisasi), *nahi mungkar* (mencegah kemungkaran, liberasi), dan *tu'minunabullah* (beriman kepada Allah, transendensi) sebagai tunjangannya. Keterikatan ketiga-tiga etika tersebut membentuk konsep *kaffah* yang membawa maksud menyeluruh atau memiliki keutuhan dalam pembentukan perwatakan. Penelitian ini menemukan bahawa novel *Sesegar Nailofar* dan *Rona Bhosphorus*, membicarakan remaja dan falsafah jihad yang tumbuh dalam perihal pendidikan dan agenda memerangi musuh Islam. Oleh itu, pemerihal watak berkenaan dapat membentuk acuan sahsiah remaja mengaju ke arah kebaikan, mencegah daripada hal yang menyalahi syariat, dan akhirnya membawa remaja lebih mengimani Allah.

Kata kunci: Kaffah, novel remaja, *Rona Bhosphorus*, *Sesegar Nailofar*, Zaid Akhtar.

Abstract

Youths are the leaders of tomorrow. However, most of the youth who are considered as the nation strength are still bounded by social problems. There are a lot of criminal cases involving them including gangsterism, promiscuity, baby dumping and drug abuse. Due to these problems, youth need a model to shape a better personality. This study examines novels by Zaid Akhtar, namely Sesegar Nailofar (2000) and Rona Bhosphorus (2002) to review their insights into social ills. The analyses focus on issues of character among Muslim youth through the novels' characters as a means to create positive role models for the youth. The research framework uses Prophetic Ideas by Kuntowijoyo, inspired by the spirit of relationship between Malaysia and Indonesia after a long time of following in a Western mould. The idea is derived from Surah Ali 'Imran, verse 110, which outlines three ethical concept as its main pillars: amar makruf (enjoin what is right, humanization), nahi mungkar (forbid the wrong, liberalisation), and tu'minunabullah (believe in Allah, transcendence). As a whole, these three form the concept of kaffah, which means 'comprehensive' or 'integrated.' Through analyses of the two aforementioned Zaid Akhtar novels, this study identifies elements of Kuntowijoyo's Prophetic Ideas, and connects them to the concept of kaffah. The novels discuss youth and their philosophy of jihad regarding education and the fight against enemies of Islam. Thus, those

characters become better youth, avoid forbidden actions, and guide themselves to the right path and worship of Allah.

Keywords: *Kaffah; young adult's novels; Rona Bosphorus; Sesegar Nailofar; Zaid Akhtar.*

Pengenalan


Golongan remaja adalah aset negara dan pemimpin pada masa hadapan. Remaja sangat diperlukan dalam masyarakat dan negara, kerana mereka merupakan golongan paling berharga serta harta yang tidak ternilai. Dalam diri remaja terletak masa hadapan serta harapan untuk membangunkan negara. Segala perlakuan negatif oleh golongan remaja membawa petanda yang tidak sihat kepada generasi yang bakal menerajui negara. Masalah remaja kini mendapat liputan meluas media massa. Antaranya, perilaku sosial remaja seperti sumbang mahram, penagihan dadah dan penderaan. Remaja dikaitkan dengan golongan yang suka mencuba sesuatu yang baru dan mudah terpengaruh dengan persekitarannya. Namun, manusia dibekalkan dengan akal untuk memilih jalan yang harus diikuti. Pengaruh jalan kebaikan dan kefasikan ini pada hakikatnya merupakan pengaruh-pengaruh yang wujud daripada persekitaran dalam kehidupan seseorang. Rasulullah SAW menghuraikan pentingnya elemen pengaruh persekitaran sosial terhadap proses pembentukan keperibadian seseorang. Baginda menjelaskan tentang pentingnya seseorang memperhatikan dengan siapakah remaja bergaul dalam kehidupan sehariannya kerana pergaulan tersebut memberi kesan terhadap keperibadiannya (Zakaria Stapa, 2012, p.156).

Sementara itu, ramai sarjana berpendapat dengan membaca karya sastera boleh membangun diri seseorang manusia sama ada membangunkan personalitinya atau pemikirannya (Shahnon, 1981). Pendapat ini disebabkan karya sastera bukan sahaja merupakan imaginasi penulis untuk meluahkan perasaannya, tetapi ia mengandungi fakta dan pengajaran berguna serta memberi informasi tentang kehidupan manusia. Terutamanya untuk berhadapan dengan konflik manusia lain yang menjadi anggota masyarakat dalam situasi yang berbeza. Dapat ditegaskan

bahawa, pendidikan ilmu sastera ini dapat membangunkan keperibadian remaja dengan memiliki sahsiah yang baik dan berpegang kepada ajaran agama yang dianuti. Perkara ini menunjukkan pengarang mengambil berat terhadap masalah sosial yang berlaku.

Oleh itu, tulisan ini berusaha menyorot novel remaja yang berjudul *Sesegar Nailofar* (2000) dan *Rona Bhosphorus* (2002) karya Zaid Akhtar. Signifikan pemilihan novel ini dianalisis kerana mempunyai pendidikan yang boleh dijadikan ibrah kepada remaja. Analisis ini diperkuat dengan mengaplikasikan tiga etika dalam gagasan Sastera Profetik, iaitu *amar makruf*, *nahi mungkar* dan *tu' minunabillah* yang membentuk *kaffah*. Etika tersebut akan dicungkil dalam novel karya Zaid Akhtar untuk membuktikan bahawa karya tersebut bertujuan untuk mengajak manusia melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran yang dapat memandu manusia ke jalan yang benar dan menjadi insan soleh.

Konsep *kaffah* diambil daripada Surah *al-Baqarah* ayat 28, yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman, masuklah kalian kepada Islam secara *kaffah* (menyeluruh), dan janganlah kalian mengikuti jejak-jejak syaitan kerana sesungguhnya syaithan adalah musuh besar bagi kalian." *Kaffah* bermaksud menyeluruh iaitu satu struktur yang saling berkaitan tujuan, tidak bergeseran, bertembung atau menafikan antara satu sama lain. Konsep *kaffah* ini dapat dijelaskan melalui Rajah 1 berikut:



Rajah 1: Konsep *Kaffah* dalam Gagasan Sastera Profetik

Seterusnya, untuk mengikat ketiga-tiga etika gagasan Sastera Profetik ini, memerlukan “tali” yang kukuh. “Tali” yang dimaksudkan itu ialah hubungan baik manusia dengan manusia dan hubungan baik manusia dengan Pencipta agar tidak terpisah. Oleh yang demikian, keterikatan ini terhasil daripada gagasan Sastera Profetik dengan pemahaman bahawa seseorang penulis mestilah mengambil ketiga-tiga etika tersebut. Hal ini kerana, Kuntowijoyo mahukan sesebuah karya sastera yang dihasilkan menyeluruh dan lengkap iaitu memenuhi tuntutan *amar makruf*, (menyeru kebaikan), *nahi mungkar* (mencegah kemungkaran) dan mempunyai tujuan untuk beriman kepada Allah.

Novel Kajian

Sebelum mengarah pada analisis watak remaja, terlebih dahulu dipaparkan catatan umum tentang novel *Sesegar Nailofar* (2000) dan *Rona Bosphorus* (2002) karya Zaid Akhtar. Novel *Sesegar Nailofar* yang berjumlah 210 muka surat merupakan novel pertama Zaid Akhtar yang ditulis setelah tujuh bulan pulang ke tanah air pada tahun 2000 dari Jordan. Novel ini juga merupakan bauran pengalaman Zaid Akhtar semasa aktif dalam persatuan pelajar, isu semasa dan kebencian terhadap Yahudi (Siti Suhailah, 2012). Novel *Sesegar Nailofar* mengambil latar belakang kisah pelajar-pelajar di Universiti Yarmouk, Jordan. Iqbal merupakan seorang yang bertindak selaku pemimpin persatuan pelajar. Betapa Iqbal sedaya upaya mengelak daripada terjebak ke kancah percintaan.

Namun, dia tidak dapat mengelaknya, kerana perkara tersebut adalah fitrah. Perbezaan yang diketengahkan oleh penulis ialah cinta suci murni itu berjalan dalam bai'ah¹ solehah. Adab dan akhlak percintaan masih dipertahankan oleh kedua-dua watak utama, iaitu Iqbal dan Nur Hazwani atau Nailofar. Di samping itu, penulis ingin menonjolkan

¹ Bai'ah adalah janji sumpah setia, pengakuan, ikrar yang diberikan oleh seseorang kepada pihak lain untuk mengikat dirinya dengan sesuatu peraturan, amalan, pekerjaan atau lainnya. Bai'ah sememangnya wujud dalam amalan Islam. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Bahawasanya mereka yang memberi bai'ah kepada kamu. Sesungguhnya mereka memberi bai'ah kepada Allah. Tangan Allah di atas tangan-tangan mereka. Maka, barangsiapa yang melanggar (bai'ah), sesungguhnya (akibat) melanggar bai'ah akan menimpa dirinya sendiri. Dan barang siapa yang menunaikan apa yang dijanjikan kepada Allah, maka Dia akan memberinya ganjaran yang besar.” (QS. al-Fath [48]: 10).

semangat kepimpinan dalam diri seseorang yang diperlihatkan melalui watak Syahid dan Iqbal menyelesaikan masalah kehilangan siswa, iaitu Nora.

Novel ini juga memaparkan kegetiran Iqbal dan teman-temannya yang berhadapan dengan pelbagai konflik yang menyentuh persoalan global dunia Islam, politik, sosial dan ilmu. Pengisian yang padat juga tentang konflik yang berlaku antara dua pihak, iaitu pencerobohan rejim Zionis ke atas bumi Palestin. Iqbal dan dua orang teman serumahnya, iaitu Syahid (ketua PERMAI) dan Hamizan tinggal bersama Aiman yang merupakan pelajar Arab dari Palestin. Mereka sedaya upaya melindungi Aiman dan sepupunya Amjad yang daripada pihak penceroboh, namun Iqbal ditangkap kerana disyaki melindungi pejuang HAMAS.

Sementara itu, novel *Rona Bosphorus* (2002) yang berjumlah 171 halaman merupakan himpunan kembara Zaid Akhtar yang bermula di Turki apabila beliau melawat negara Anatolia pada musim panas 1997. Beliau juga melihat fenomena umat Islam di Turki dan berhasrat untuk menyampaikan konflik tersebut dalam karyanya. Tema novel *Rona Bosphorus* tidak jauh berbeza dengan novel sebelumnya yang memerihalkan perjuangan watak remaja. Novel *Rona Bosphorus* mengisahkan watak anak muda dari Malaysia yang berada di perantauan orang iaitu di Istanbul, Turki. Watak Afham dan rakan-rakannya yang lain mengambil berat segala peristiwa yang berlaku di Istanbul. Semasa berada di Istanbul, Afham mengenali beberapa insan, iaitu Fahim, Erfan, Ilhan, Adam, Nik Hafizz, Amal Hayati dan Emine. Mereka melanjutkan pengajian, menyebarkan ilmu di madrasah, terpanggil untuk mengambil tanggungjawab memperjuangkan keadilan mempertahankan martabat bahasa Arab yang makin dikesampingkan oleh kerajaan Turki. Bermula dengan langkah kerajaan sekular Turki yang ingin menghapuskan penggunaan Bahasa Arab di sektor awam dan pendidikan, sehinggalah kepada isu pengharaman tudung dalam kalangan wanita. Emine yang merupakan anak Datuk Bandar Istanbul dipenjarakan kerana dituduh membaca puisi berkaitan hijab dalam sebuah majlis. Dalam masa yang sama kaum Yahudi Dumnah tetap dengan kerja tercela mereka menganiayai orang-orang Islam dengan tindakan mereka yang cuba menutup madrasah Islam, menaikkan sewa rumah setinggi mungkin dan menuduh orang tidak

bersalah melakukan keganasan. Berdasarkan hasil tinjauan umum kedua-dua buah novel tersebut, mempunyai beberapa persamaan iaitu mengambil watak remaja Malaysia yang berada di perantauan kerana melanjutkan pengajian. Beberapa perbezaan pula melibatkan lokasi, watak dan perjuangan.

Novel *Sesegar Nailofar* dan *Rona Bosphorus* memilih watak remaja lelaki Melayu sebagai watak protagonis. Dalam novel *Sesegar Nailofar* watak Iqbal terkena 'tempias' krisis umat Islam di Palestin. Manakala, dalam novel *Rona Bosphorus* watak Afham yang simpati dengan nasib umat Islam di Turki. Kedua-dua 'hero' ini berperanan sebagai pelajar yang bercita-cita tinggi, kuat semangat, memiliki sifat mahmudah, bijak bertindak dan peka terhadap isu-isu semasa umat Islam. Novel *Sesegar Nailofar* dan *Rona Bosphorus* memenangi tempat ketiga dan kedua Hadiah Sastera Kumpulan Utusan. Kedua-dua novel juga turut meraih anugerah dalam Hadiah Sastera Darul Takzim IV (2003) dan V (2005). Watak dalam novel ini digambarkan berjihad menuntut ilmu dunia mahupun ukhrawi, jihad melawan nafsu membentuk akhlak² mulia serta jihad terhadap agama. Kedua-dua novel ini memaparkan krisis sosial yang boleh menyuntik kesedaran remaja tentang nasib umat Islam di tempat lain. Kedua-dua watak ini disoroti melalui etika *amar makruf, nahi mungkar*, dan *tu'minunabillah* seperti yang dititipkan dalam ayat al-Quran melalui surah Ali Imran daripada ayat 110 bertepatan dengan gagasan Sastera Profetik yang dijadikan acuan tulisan ini, iaitu:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ
عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ آمَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ
خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١١٠﴾

² Istilah akhlak berasal daripada bahasa Arab yang diambil daripada perkataan "*khuluq*" yang boleh didefinisikan sebagai perangai atau tingkah laku, tabiat, kepercayaan, pegangan atau agama. Berdasarkan pengertian ini, akhlak merupakan perangai, tabiat, maruah dan agama yang mempamerkan gambaran atau rupa batin seseorang (Asmawati Suhid, 2009).

Maksudnya: Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka: orang-orang yang fasik.

(Al-Quran Tajwid dan penterjemahan, 2012, p.64)

Etika Amar Makruf

Pembinaan sesebuah masyarakat hendaklah berteraskan kepada pembinaan ummah. Pembinaan ini mestilah meliputi keseluruhan tatacara kehidupan sama ada daripada sudut fizikal, mental, moral, kerjasama saling ingat mengingati dan bertanggungjawab. Salah satu aset penting yang boleh menjamin kemajuan sesebuah masyarakat ialah golongan remaja. Sekiranya menyediakan acuan yang baik, maka lahirilah bakal pemimpin negara yang berpegang teguh kepada aqidah yang benar, ibadah yang sah dan akhlak yang mulia. Oleh itu, persoalan pembentukan golongan remaja menjadi sesuatu yang amat penting dalam senarai tugas dan tanggungjawab sesebuah masyarakat dan negara. Usaha untuk membentuk golongan remaja yang berkualiti mestilah dilakukan sebaik-baiknya dan berlaku secara berterusan. Etika *amar makruf* (menyeru ke arah kebaikan) dinamakan semula oleh Kuntowijoyo, sebagai “humanisasi”, iaitu “memanusiakan kembali manusia.” Menurut Kuntowijoyo, dalam dunia moden terdapat banyak punca manusia menjadi “dehumanisasi” seperti “egosentrisme”, pemujaan terhadap “syahwat” dan teknologi itu sendiri (2014: 16).

Cara pembentukan remaja ini, digarap oleh Zaid Akhtar dalam novel *Sesegar Nailofar* dan *Rona Bosphorus*, yang menyeru melakukan kebaikan dalam kedua-dua karyanya. Antaranya, memartabatkan ilmu dan mengukuhkan agama Islam. Sebagai seorang muslim, menuntut ilmu adalah digalakkan kerana dengan adanya ilmu, manusia akan dapat berfikir antara makruf dengan mungkar. Ilmu dan akal fikiran yang dikurniakan

Allah SWT kepada manusia mampu berfikir dan mengawal hawa nafsunya dan seterusnya beriman kepada agamanya.

Memartabatkan Ilmu

Persoalan ilmu telah menjadi agenda utama dalam sejarah manusia sejak pemilihan Nabi Adam a.s lagi. Peristiwa pengiktirafan Nabi Adam a.s sebagai khalifah di muka bumi adalah bersandarkan ilmu pengetahuan yang ada padanya. Hal ini menjelaskan bahawa Allah SWT meletakkan kekuatan akal fikiran dan ilmu pengetahuan sebagai keutamaan yang mampu mengatasi kekuatan-kekuatan lain yang ada pada manusia. Kesenambungan budaya ilmu berterusan sampai kepada rasul terakhir, iaitu Nabi Muhammad SAW. Peristiwa bersejarah penurunan wahyu yang pertama di Gua Hira' adalah berhubung dengan keilmuan. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang menciptakan. Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah dan Tuhanmulah yang paling pemurah, yang mengajar (manusia) melalui pena dan tulisan (perantaraan kalam). Dia mengajarkan kepada manusia apa yang tidak diketahuinya.”

(al-Alaq [96]:1-5)

Lima ayat daripada surah *al-Alaq* itu menunjukkan bahawa Islam mengkehendaki umatnya supaya berilmu dan mementingkan ilmu. Sejarah telah membuktikan bahawa keunggulan sesuatu bangsa adalah bergantung kepada ketinggian ilmu masyarakatnya. Umat yang mementingkan ilmu akan bangkit sebagai umat yang ulung di mata dunia. Benarlah segala seruan Allah SWT dan rasulnya bahawa ilmu sangat penting dalam kehidupan. Oleh itu, proses menuntut ilmu adalah satu usaha yang berterusan sepanjang hayat seseorang insan. Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud, “tuntutlah ilmu dari buaian hingga ke liang lahad.” Kewajipan menuntut ilmu dan berilmu pengetahuan merupakan satu perkara asas yang ditekankan dalam Islam. Kewajipan ini ditujukan kepada seluruh umat Islam tiadak kira tua, muda, lelaki mahupun wanita. Keperluan ini adalah untuk memastikan agar umat Islam terdiri daripada mereka yang dapat membezakan antara yang hak dengan batil (Jaffary Awang, Kamarudin Salleh, 2007: 107).

Ilmu dalam pengertian yang mudah ialah sistem penelitian, cara berfikir yang sistematik dan radikal yang mampu merumuskan jawapan yang aktif dan cekap. Perkataan ilmu berasal daripada kalimah Arab, iaitu “*alima*” yang bermaksud “telah mengetahui”. Kata asalnya ialah “al-Ilm” yang membawa erti “pengetahuan”. Masyarakat menggabungkan kedua-dua makna ini menjadi “ilmu pengetahuan”. Secara umumnya, ilmu didefinisikan sebagai pengetahuan dan kepandaian seseorang tentang sesuatu bidang yang disusun secara bersistem menurut kaedah dan metod tertentu yang dapat digunakan untuk menerangkan sesuatu ilmu tersebut.

Ilmu pengetahuan terdapat dalam dua bentuk, iaitu ilmu pengetahuan nyata (*explicit knowledge*) dan ilmu pengetahuan tidak nyata (*implicit knowledge*). Ilmu pengetahuan nyata boleh didapati dalam bentuk dokumen bercetak, manakala ilmu pengetahuan tidak nyata terdapat dalam idea, minda, amalan harian, pengetahuan, memori dan seumpama dengannya yang boleh dilihat dengan mata kasar (Noraziah Sharuddin, 2002). Ilmu pengetahuan juga menjadi salah satu prinsip penting agar sastera dapat menghiasi khalayaknya dengan nilai yang baik dan luhur (Ungku Maimunah, 2010, p.18). Ilmu dijadikan sebagai asas ‘pekerjaan kalam,’³ karya-karya sastera tidak lagi memuatkan cerita khayalan semata-mata tetapi juga sarat dengan ilmu yang benar dan berwibawa, yang boleh dimanfaatkan oleh khalayaknya. Hal ini amat penting kerana dengan adanya ilmu, tuntutan mengajar dan mendidik yang menjadi tugas utama sastera akan terlaksana. Dalam novel *Sesegar Nailofar* dan *Rona Bosphorus*, memaparkan watak-watak anak muda iaitu, Iqbal, Afham, Amal Hayati dan Nur Hazwani yang menyambung pengajian di Turki. Kedua-dua novel ini mengemukakan ketabahan golongan anak muda kelahiran tanah air yang menuntut ilmu di negara orang telah memperoleh banyak ilmu pengetahuan.

³ “Pekerjaan kalam” merupakan istilah yang sering digunakan untuk merujuk kepada kegiatan penulisan yang mengakar umbi selepas kedatangan Islam ke rantau ini. Aktiviti kesusasteraan yang berlangsung tidak lagi dibelenggu unsur estetika semata-mata tetapi juga sarat dengan unsur rasionalisme, falsafah dan metafizika Islam. Karya sastera diyakini menjadi wadah berkesan untuk melahirkan manusia beradab dan membentuk peribadi manusia ke tahap yang lebih tinggi (Ungku Maimunah, 2010).

Amanah ilmu agama ialah amanah yang maha besar!
Dalam begitu, Iqbal segera teringat akan kata-kata Syahid malam tadi. Ada baiknya kalau dia menyambung belajar- sementara diri masih muda, bertenaga dan bersemangat. Menyambung belajar bukanlah dengan niat untuk melarikan diri daripada amanah, tetapi sebagai peneguhan kepada ilmu yang sedia ada...

(*Sesegar Nailofar*, 2000, p.182)

Itu kata-kata ibunya di corong telefon semasa dia menyatakan hajatnya mahu menukar angin ke Istanbul setelah meraih Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab di Universiti Jordan. Dia tidak membantah, sebaliknya memujuk lembut dengan penuh keyakinan. Katanya, kerja boleh dicari bila-bila masa, tetapi ilmu dikejar ketika masih mudalah, ketika masih belum ada tanggungjawab inilah.

(*Rona Bosphorus*, 2002, p.33-34)

Menerusi pernyataan daripada novel *Sesegar Nailofar* dan *Rona Bosphorus* memaparkan kesungguhan watak Iqbal dan Afham yang berusaha melipatgandakan usahanya dalam menekuni ilmu. Iqbal ingin meneruskan pencarian ilmu di peringkat sarjana untuk menambah ilmu pengetahuan yang sedia ada. Perjalanan pengajian Iqbal hampir gagal kerana menghadapi beberapa ujian besar sebelum menghadapi peperiksaan. Namun, berbekalkan doa dan solat tahajjud, Iqbal lulus dalam kertas *Tarikh al-Hadharah* dan subjek *Syair Andalusie* yang sering menggagalkan pelajar Melayu. Begitu juga dengan pemaparan watak Afham yang meletakkan pencarian ilmu pengetahuan lebih tinggi daripada segalanya walaupun berdepan dengan kemelut kehidupan di perantauan. Gambaran kesusahan dan cabaran yang dihadapi oleh pelajar ketika di perantauan jelas memperlihatkan kekentalan diri golongan ini untuk menimba ilmu pengetahuan yang semaksimumnya. Perkara ini penting diterapkan dalam diri remaja hari ini yang sesetengahnya apabila gagal dalam peperiksaan atau menghadapi sedikit masalah terus berputus asa dalam mencari ilmu. Oleh itu, dengan pemaparan sikap remaja yang berintelektual tinggi ini mampu menyeru remaja agar tidak mudah tewas dalam mencari ilmu dalam kehidupan.

Dalam al-Quran banyak menjelaskan kedudukan dan martabat orang yang berilmu. Kedudukan serta martabat orang yang berilmu diangkat dan diletakkan di tempat yang lebih tinggi. Dengan erti kata lain, ilmu dapat mengangkat darjat seseorang kepada kedudukan yang tinggi di sisi Allah dan masyarakat. Firman Allah SWT dalam surah *al-Mujadilah*, ayat 11 yang bermaksud, “Nescaya Allah meninggikan orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat”. Oleh itu, Zaid Akhtar mengajak para pembaca novelnya supaya menuntut ilmu. Selain daripada diangkat darjatnya oleh Allah, orang yang memiliki ilmu pengetahuan tinggi juga akan membezakan tarafnya dalam kalangan manusia. Firman Allah dalam surah *al-Zumar* ayat 9 yang bermaksud: “Katakanlah adakah sama orang-orang berilmu dengan orang yang tidak berilmu? Sesungguhnya mereka yang mendapat peringatan dan petunjuk hanyalah dalam kalangan hambanya yang berilmu dan bijaksana.”

Seterusnya, dalam menuntut ilmu hendaklah mempunyai adab. Antara adab menuntut ilmu ialah niat kerana Allah, memohon ilmu yang bermanfaat, tidak sombong dalam menuntut ilmu, menjauhkan diri daripada dosa dan maksiat, beramal dengan ilmu yang diperolehi dan menghormati guru (Tajul Ariffin Nordin, Roslee Ahmad & Rahimawati Abdul Rahim. 2007: 109-111). Dalam novel *Sesegar Nailofar*, Zaid Akhtar mengajak pembacanya supaya menghormati guru atau orang yang berilmu.

Iqbal terlalu menyayangi lelaki buta itu. Abu Munzir-sekali gus mursyidnya-telah banyak mencurahkan ilmu kepada pelajar Melayu. Sejak dua tahun lalu, dia dan Syahid mendampingi orang tua itu untuk mempelajari pelbagai ilmu, terutama sirah, hadis fitan, dan tarikh.

(*Sesegar Nailofar*, 2000, p.56)

Zaid Akhtar memaparkan perlakuan Iqbal yang menghormati gurunya Abu Munzir. Iqbal tidak melupakan segala pendidikan yang diberikan oleh guru tersebut. Walaupun Abu Munzir buta dan tidak lagi mengenalinya, Iqbal tetap menghargai guru tersebut. Hal ini berbeza dengan situasi pelajar hari ini yang sesetengahnya tidak lagi menghargai

guru. Sesetengah pelajar hari ini berani melawan guru. Bukan itu sahaja, pelajar kini berani mengancam dengan memberi ugutan bunuh terhadap guru seperti yang tersiar di dada akhbar⁴. Oleh itu, berdasarkan situasi keruh antara pelajar dengan guru dalam realiti, Zaid Akhtar tampil membawa mesej untuk menyeru supaya pelajar beradab dengan guru dalam novelnya. Sikak beradab dapat melahirkan pelajar atau remaja berilmu yang berjaya dan berguna kepada diri dan masyarakat. Guru bukan hanya dianggap sebagai guru di sekolah, universiti atau di tempat pengajian sahaja, tetapi pelajar mestilah menganggap bahawa guru sebagai pendidik yang mesti dihormati walaupun di mana berada.

Selanjutnya, dalam novel *Sesegar Nailofar* dan *Rona Bosphorus* menganjurkan remaja agar memanfaatkan ilmu yang dipelajari bukan sekadar untuk mendapatkan sijil bagi memperolehi pekerjaan. Perkara ini termasuk dalam adab menuntut ilmu. Kini timbul permasalahan apabila pelajar menuntut pelbagai jenis ilmu, namun gagal mengaplikasikannya dalam kehidupan. Hal ini kerana, matlamat utama pelajar tersebut hanya belajar untuk mendapatkan sijil atau pengiktirafan bukannya ilmu untuk memberi manfaat kepada masyarakat. Perkara ini ditekankan dalam novel *Rona Bosphorus*, iaitu penulis menyarankan pembaca supaya menuntut ilmu yang berguna dan dapat menjadi bekalan dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

“Selain sijil dia tahu, pengisian ilmu juga penting. Sijil tanpa ilmu ibarat durian tanpa isinya. Baunya sahaja enak, tetapi di dalamnya lompong. Itu sahaja yang dia takuti. Dia tidak mahu pulang dengan dada kosong, dia tidak mahu jadi mualim yang tidak siap, lantaran itu detik-detik terakhir di dataran Syam ini dihabiskannya dengan majlis ilmu”.

(*Sesegar Nailofar*, 2000, p.161)

⁴ Terdapat video yang tersebar di alam maya melibatkan pelajar di China enggan memberikan kertas peperiksaan kepada gurunya. Kedua-dua mereka dilihat bertikam lidah sebelum guru terbabit bertindak mencekik leher pelajar itu. Tindakan guru itu menimbulkan rasa tidak puas hati pelajar berkenaan lalu menyerang guru tersebut dibantu oleh rakannya yang lain. Dipetik daripada *Mynews Hub* pada 21 April 2016. [Http://www.mynewshub.cc/2016/04/21/video-sekumpulan-pelajar-serang-guru/](http://www.mynewshub.cc/2016/04/21/video-sekumpulan-pelajar-serang-guru/). [05 Mei 2016].

Selain itu, novel *Sesegar Nailofar* dan *Rona Bosphorus* menganjurkan remaja yang memiliki ilmu dapat menyampaikannya kepada orang lain. Hal yang harus disedari oleh penuntut ilmu untuk mengajak manusia ke jalan Allah. Perkara ini tidak akan terlaksana jika seseorang itu tidak mempunyai ilmu pengetahuan. Ilmu yang harus disampaikan ini tidak mengira ilmu agama, sejarah, politik ekonomi dan lain-lain asalkan tidak bertentangan dengan syariat dan akidah orang Islam. Dalam novel *Sesegar Nailofar*, pengarang menganjurkan penyampaian ilmu kepada orang lain melalui watak Iqbal dan Syahid kepada siswi PERMAI.

“Permintaan kita untuk anjurkan kelas Sirah Nabawiyah nampaknya diterima.”

“Abu Munzir bersetuju?”

Angguk. Ada ceria yang singgah di wajah Iqbal.

(Sesegar Nailofar, 2000, p.161)

“Jadi, ana dan presiden cuba menolong mana-mana yang patut supaya kebajikan ilmiah terhadap pelajar lain tidak terabai. Budaya belajar dalam halaqah ni besar fadilatnya. Dulu dah ada, berhenti sekejap, eloklah kita mulakan semula.”

“Allah jua yang membalas usaha anta ni Bal. Anta buat ana terharu. Walaupun tinggal beberapa minggu saja lagi di sini, tapi masih sempat berbuat sesuatu untuk PERMAI.”

“Untuk Islam.” Dia membetulkan.

“Ya, untuk Islam.”

(Sesegar Nailofar, 2000, p.161)

Dialog tersebut menunjukkan keperihatinan Iqbal dalam menyampaikan ilmu yang dipelajarinya kepada pelajar yang lain. Iqbal dan Syahid meminta persetujuan Abu Munzir untuk mengadakan kelas Sirah Nabawiyah. Selain itu, mereka juga tolong-menolong untuk membantu Alfian yang merupakan Exco Biro Ilmiah yang berada di tahun tiga Kulliyah Syariah menyampaikan ilmunya dalam kelas malam Sirah Nabawiyah. Menyalurkan ilmu yang berguna dan bermanfaat kepada orang lain akan mendapat balasan pahala selagi ilmu itu digunakan ke jalan yang betul.

“Bila Istanbul ditawan oleh umat Islam, bang?”

Pertama kali pertanyaan meletus dari bibir Rumaizah.

Afham meraba beg sandang kulit yang sentiasa dibawa ke mana-mana. Sebagai pelajar sarjana yang mendalami sejarah ketamadunan Turki, soalan begitu tidak menjadi masalah baginya.

(Rona Bosphorus, 2002, p.76)

Ilmu yang dipelajari oleh Afham berjaya difahaminya. Afham sentiasa bersedia dengan jawapan dalam setiap persoalan yang diterima. Perkara ini memperlihatkan manfaat ilmu yang ada dalam diri Afham dan bukan hanya belajar. Sejarah bumi khalifah ini banyak memberi pengajaran kepada masyarakat tentang kejatuhan kerajaan Turki Uthmaniyah dan kebangkitan Islam pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad al-Fatih⁵. Oleh itu, pemaparan kepentingan dan martabat ilmu ini dapat menambahkan ilmu pengetahuan yang sedia ada. Ilmu pengetahuan dapat memandu manusia terutamanya golongan remaja untuk berfikir dan melakukan perkara yang mengarah kepada kebaikan dalam kehidupan.

Mengukuhkan Agama Islam

Manusia yang mempunyai ilmu akan dapat mengenali dan beribadat kepada Allah. Ibadat merupakan pengabdian dan penyerahan diri sepenuhnya kepada Allah SWT. Sebagai seorang muslim, segala ibadat yang dilakukan adalah semata-mata kerana Allah. Hal ini kerana, tujuan utama manusia diciptakan adalah untuk beribadat kepadanya. Ibadat dalam Islam terbahagi kepada dua iaitu ibadat khusus dan ibadat umum. Ibadat khusus ialah kepatuhan dan tindakan manusia terhadap hukum-hukum yang ditekan dalam fardhu ain seperti mengucapkan dua kalimah syahadat, solat lima waktu, berpuasa di bulan Ramadan, mengeluarkan zakat dan menunaikan haji. Manakala, ibadat umum pula selain daripada ibadat khusus yang merangkumi segala gerak-geri dan tindak tanduk

⁵ Sultan Muhammad al-Fatih dilahirkan pada 30 Mac 1432 di Edirne dan meninggal dunia pada 3 Mei 1481. Baginda adalah Sultan yang memerintah Empayar Uthmaniyyah dalam masa singkat iaitu dari tahun 1444 ke 1446 dan kemudian dari tahun 1451 ke 1481. Baginda menakluk Constantinople pada umur 21 tahun yang membawa kepada kehancuran Empayar Byzantine.

yang berhubung dengan kehidupan seharian. Contohnya, seperti kehidupan berkeluarga, bermasyarakat, berbakti kepada bangsa dan negara. Hal ini menunjukkan konsep beribadat itu luas dan mencakupi setiap perlakuan umat Islam. Konsep beribadat yang dihuraikan dapat membantu untuk mengukuhkan ketaatan kepada Allah dengan melakukan segala suruhannya (Nurul Aini K. Azhari, 2006, p. 73).

Dalam novel *Sesegar Nailofar* dan *Rona Bosphorus* memaparkan perlakuan untuk mendekati diri kepada Allah dengan mengerjakan suruhan-Nya. Watak-watak remaja yang ditampilkan tidak meninggalkan suruhan Allah walaupun diuji dengan pelbagai rintangan dalam mengharungi kehidupan sebagai seorang pelajar. Salah satu gambaran remaja yang mengukuhkan agama ialah mengutamakan solat dalam setiap perlakuan. Solat merupakan satu ibadat yang agung dalam Islam dengan kemuliaan pensyariatannya melalui peristiwa Isra dan Mi'raj ketika Rasulullah bertemu Allah berbanding ibadat-ibadat yang lain. "Solat" menurut bahasa ertinya doa. Manakala daripada segi istilah adalah beberapa ucapan dan perbuatan yang dimulakan dengan takbir dan disudahi dengan salam berserta syarat-syarat yang ditetapkan. Solat mestilah dilaksanakan dengan segera mengikut waktu-waktu yang telah ditentukan oleh Allah SWT (Haron Din, 2007: 47). Ibadat solat mempunyai kepentingannya dan berkait rapat dengan kehidupan manusia. Antara kepentingan solat dalam kehidupan seharian ialah dapat membina keperibadian dan akhlak yang mulia. Apabila solat dapat dikerjakan secara istiqamah, maka jiwa akan mengalami perubahan dari satu keadaan yang buruk ke satu tahap yang lebih baik. Dengan solat, seseorang akan belajar mengenai sifat sabar, tenang, bersopan dan berlemah lembut ([http://e-masjid.jais.gov.my/uploads/uploads/KhutbahJumaat\(Rumi\)05042013.pdf](http://e-masjid.jais.gov.my/uploads/uploads/KhutbahJumaat(Rumi)05042013.pdf))

Lagi lima belas minit jam dua. Elok kalau dia solat dulu, barulah lebih tenang kalau mengajar dan membuat sebarang kerja. Dia sengaja tidak solat berjemaah di masjid bersama Daniel tadi memandangkan iqamat lazimnya dilaungkan selepas lima belas minit. Pasti terlewat.

(Rona Bosphorus, 2002, p.6)

Zaid Akhtar menonjolkan peribadi remaja, iaitu Afham yang mengutamakan ibadat solat sebelum menjalankan ibadat sampingan, iaitu mengajar. Melakukan solat menjadikan hati seseorang tenang dan pekerjaan tersebut akan berjalan dengan lancar dan dipermudahkan segala urusan. Solat dapat membentuk jiwa, diri, sifat amanah dalam bermasyarakat kerana pengaruh solat dapat memberi kesan positif dalam kehidupan seharian.

Seterusnya, antara kepentingan solat juga adalah jalan keluar bagi orang yang beriman apabila menghadapi sebarang kesulitan atau kesusahan. Sesungguhnya memang tidak dapat dinafikan, bahawa setiap manusia menghadapi ujian hidup dalam bentuk kesenangan atau kesusahan. Justeru, solat adalah satu-satunya cara paling mujarab bagi seorang hamba yang ingin meminta pertolongan dan perlindungan daripada Allah SWT. Rasulullah SAW, ketika baginda berasa resah dan terhimpit disebabkan oleh penghinaan kaum musyrikin terhadapnya, maka Allah SWT telah memerintahkan baginda supaya mendirikan solat dan berzikir kepadaNya. Hal ini ditegaskan oleh Allah SWT melalui firman-Nya dalam Surah al-Hijr [15]: 97-98 yang bermaksud: “Dan demi sesungguhnya Kami mengetahui, bahawa engkau bersusah hati dengan sebab apa yang mereka katakan. Oleh itu, bertasbihlah engkau dengan memuji Tuhanmu, serta jadilah dari orang-orang yang sujud (solat)”. Oleh itu, dalam novel *Sesegar Nailofar* mengetengahkan tentang ketakutan musuh Islam. Ketakutan Yahudi bukan pada umat Islam yang memegang senjata, tetapi ketakutan kepada mereka yang taat pada agama atau sentiasa mengerjakan solat lima waktu.

“Maknanya apa? Maknanya, kalian semua umat Islam, pemuda Islam mesti menjaga solat. Solat tiang agama. Solatlah yang akan menghalang kalian daripada melakukan perkara mungkar”. Nada lelaki awal 60-an itu kian lirih.” Yahudi tidak takut dengan umat Islam yang memegang senjata, tapi... mereka amat gentar dengan umat Islam yang taat beragama, lebih-lebih lagi yang berada dalam satu saf perjuangan.”

(*Sesegar Nailofar*, 2000, p.125-126)

Ibadat solat ini merupakan ibadat yang menentukan untung dan rugi dalam kehidupan seseorang muslim sama ada di dunia atau akhirat. Ibadah ini mempunyai perkaitan secara tidak langsung dengan tingkah laku, sifat atau perangai seseorang itu dan seterusnya boleh memberi pengaruh kepada kehidupan seseorang. Justeru, pelaksanaan ibadat solat yang ditonjolkan dalam novel ini dapat menyeru membentuk jiwa remaja yang menjalankan ibadat kepada Allah.

Selain kepentingan solat, novel *Sesegar Nailofar* dan *Rona Bosphorus* mengukuhkan agama Islam dengan menganjurkan kepentingan berdoa. Penulis menerapkan watak-wataknya sentiasa mengamalkan doa dalam apa jua keadaan yang dihadapi. Doa ialah pengharapan seseorang untuk mendapatkan kebaikan daripada Allah SWT dengan memohon secara langsung kepadaNya. Setiap individu mempunyai keperluan dan keinginan masing-masing sama ada positif atau negatif. Justeru, mereka berdoa kepada Allah SWT memohon hajat. Disyariatkan berdoa untuk kebaikan diri, keluarga, sahabat, sesama Islam hatta kepada bukan Islam sekalipun supaya mereka diberi taufik dan hidayah oleh Allah SWT.

“Dan aku akan menjauhkan diri daripadamu, dan daripada apa yang kamu seru selain daripada Allah, dan aku akan berdoa kepada Tuhanku, aku tidak akan kecewa dengan berdoa kepada Tuhanku.” Iqbal mengulang ayat 48 Surah Maryam yang dibacanya tadi.

“Doa senjata mukmin, Syah.” Mukanya diraup sekali gus mahu membuang segala sisa-sisa kedukaan. *“Yajib an tabtasim indama tabki.”*

Ya, kadang-kadang dalam hidup ini, kita perlu banyak tersenyum kepada segala yang harus ditangisi, detik hatinya membenarkan ungkapan itu. Banyak lagi falsafah Arab yang menyebut demikian.

Dia dapat melihat secara perlahan-lahan wajah Syahid mulai diserbu rona gembira sekalipun kelihatan sedikit hairan.

“Aku cuma terperanjat tadi. Sekarang dah mula okey. Hanya dengan *zikrullah* akan menenteramkan hati.”

(Sesegar Nailofar, 2000, p.177-178)

Selesai memulangkan buku-buku pinjaman di perpustakaan, dia melencong ke surau untuk solat untuk solat sunat dhuha. Segala isi hatinya dirafakkan dalam doa. Mudah-mudahan madrasah akan selamat dan dirinya sendiri terhindar daripada fitnah.

(Rona Bosphorus, 2002, p.122)

Kepentingan berdoa memberi manfaat kepada seluruh kehidupan manusia. Pengarang menonjolkan watak yang memanfaatkan doa dalam kehidupan melalui watak watak Iqbal dan Afham. Iqbal terputus hubungan percintaan dengan kekasihnya (Salsabila), namun Iqbal mengawal perasaan kecewa tersebut dengan berdoa untuk meredakan hatinya. Manakala, Afham pula sentiasa berdoa agar madrasah yang merupakan tempat pengajaran bahasa Arab tidak akan ditutup dan dimusnahkan.

Pemaparan watak Iqbal dan Afham yang menjadikan doa sebagai pendamping dalam menghadapi masalah dapat memberi pengajaran kepada manusia hari ini supaya tidak meninggalkan Allah dalam menghadapi masalah. Manusia menganggap masalah sebagai bebanan, namun sebenarnya masalah adalah untuk menguji keimanan seseorang mukmin. Misalnya, golongan remaja yang menghadapi masalah dalam percintaan cenderung untuk melakukan perkara yang tidak baik. Justeru, dengan adanya “doa” sebagai senjata orang mukmin dapat membawa manusia ke arah yang lebih baik dengan menganggap masalah yang dihadapi sebagai langkah untuk bersujud dan mendekati diri kepada-Nya.

Kecintaan Terhadap Saudara

Di samping menjaga hubungan sesama Allah, Islam menitikberatkan juga perhubungan antara manusia dengan manusia. Perhubungan baik sesama manusia dalam kalangan ummah ialah persaudaraan seagama (ukhuwah Islamiyyah). Islam memperuntukkan peraturan atau undang-undang dalam sistem kehidupan sosial yang adil dan harmoni disebut sebagai Syari’at Islamiyyah. Semua perkara hal ini terkandung dalam al-Quran dan al-Hadis. Semuanya untuk kebaikan, kebajikan, kebahagiaan dan kesejahteraan hidup manusia seluruhnya di dunia dan akhirat. Bagi

kesejahteraan ummah, Islam menganjurkan penganutnya agar saling menjalinkan kasih sayang (mahabbah), hormat-menghormati, bekerjasama, bertimbangrasa, tolong-menolong, nasihat-menasihati, berbaik-baik sangka antara satu sama lain. Oleh itu, sastera berperanan mengajak manusia ke arah kebaikan dan kemanusiaan.

Tugas kemanusiaan seni ialah humanisasi. Dalam al-Quran dijelaskan bahwa manusia dapat jatuh ke tempat paling rendah asfala safilin. Tugas mengangkat kembali manusia daripada jatuh itu bisa dikerjakan melalui media lain seperti agama, moral dan filsafat. Kali ini yang kita inginkan ialah supaya melalui simbol-simbol seni, manusia dapat diangkat kembali ke fitrahnya sebagai makhluk yang sebaik-baiknya, semulia-mulianya dan bermartabat manusia.

(Kuntowijoyo, 2001, p.258)

Tugas mengajak manusia ke arah kebaikan menurut Kuntowijoyo (2001:152), ialah memanusiaikan kembali manusia selain berperanan menangani gejala dehumanisasi. Menurut Kuntowijoyo lagi (2006:9-13), gejala dehumanisasi yang ‘menyerang’ kemanusiaan pada zaman moden terdiri daripada ‘manusia mesin’, ‘manusia dan masyarakat massa’, dan ‘budaya massa’. Manusia kini telah hilang nilai kemanusiaan disebabkan pengaruh dehumanisasi yang merosakkan nilai murni dalam diri manusia. Dalam novel *Rona Bosphorus*, menyelitkan nilai kemanusiaan untuk mengajak manusia menjalankan kebaikan. Hal ini dapat dilihat pada penonjolan watak Afham yang menolong menyelamatkan Fazil Hikmet daripada jatuh dan dipijak orang dalam demonstrasi jalanan yang berlaku di Medan Taskim. Penonjolan kebaikan Afham menolongnya dalam rusuhan tersebut menyebabkan Fazil Hikmat membatalkan niatnya untuk mengambil Madrasah Badriyyah. Kejadian tersebut menyebabkan Fazil Hikmet berasa berhutang budi kepada Afham.

“Ya Allah!”

Hanya itu yang keluar dari mulutnya kala melihat lelaki itu lemah longlai dan tidak berdaya menarik nafas dengan sempurna. Dia menahan kaki lelaki itu daripada terjelopak ke aspal.

(*Rona Bosphorus*, 2002, p.108)

Penonjolan watak Afham yang dapat menangkis nilai dehumanisasi yang menyerang watak Fazil Hikmat yang awalnya ingin menjual madrasah. Perkara ini dapat memberi pengajaran kepada khalayak agar tidak mewujudkan deskriminasi dalam persaudaraan sesama manusia. Menurut Kuntowijoyo (2001, p.258), punca dehumanisasi disebabkan adanya egosentrisme, pemujaan terhadap syahwat dan teknologi itu sendiri. Walaupun diancam Fazil Hikmet, Afham masih mempunyai nilai kemanusiaan untuk melakukan kebaikan terhadap orang yang lemah biarpun nyawanya sendiri dalam bahaya. Sesungguhnya persaudaraan dalam Islam dibina atas dasar Iman kepada Allah SWT. Kepentingan bersaudara harus disedari oleh setiap hamba yang beriman. Oleh itu, peranan novel ini mengajak remaja supaya memanfaatkan perasaan kecintaan terhadap saudara kerana perasaan tersebut sesetengahnya telah dikikis dehumanisasi. Allah SWT akan memelihara segala urusan orang yang menjaga hubungan persaudaraan.

Etika Nahi Mungkar

Dalam perkembangan zaman ini, mencegah kemungkaran bukanlah sesuatu yang mudah. Mencegah kemungkaran dianjurkan oleh agama agar manusia tidak terjebak dalam jurang kemungkaran dalam kehidupannya. Seseorang yang telah mendalami nilai-nilai agama yang baik harus memperingati atau memberi teguran kepada seseorang yang melakukan keburukan. Perbuatan ini memberi impak yang tidak sihat kepada agama, bangsa dan kehidupan sosialnya. Etika ini menampakkan dua topik dalam novel yang ditumpukan iaitu kekejaman Yahudi dan batas pergaulan antara lelaki dengan perempuan.

Etika *nahi mungkar* (mencegah kemungkaran) dikenali juga sebagai “liberasi” membawa maksud kebebasan dan kemerdekaan. Etika mencegah kemungkaran ini membawa maksud yang lebih khusus, iaitu membebaskan manusia daripada keburukan, kejahatan, penindasan, ketidakadilan dan seumpamanya.

Kekejaman Yahudi

Dalam novel *Sesegar Nilofar dan Rona Bosphorus*, etika nahi mungkar dapat dilihat menyentuh tentang kekejaman Israil. Yahudi dan sekutunya

Nasrani sentiasa ingin merosakkan agama Islam. Hal ini dapat dilihat dalam peristiwa pembunuhan orang awam Islam di Palestin semasa Israel menyerang Lebanon pada tahun 1983, melakukan pembunuhan besar-besaran di Kem Palestin Syatilla. Oleh yang demikian, kezaliman Israel adalah suatu kemungkaran yang harus dibasmi. Dalam novel *Sesegar Nailofar*, Iqbal telah ditangkap kerana melindungi pemuda Palestin daripada pihak luar.

“Kamu ahli HAMAS?”

“Saya cuma pelajar di sini.”

“Apa pendapat kamu tentang HAMAS?”

Darah Iqbal tersirap. Itu soalan perangkap! Dr. Abdul Settar pernah bercerita kepadanya tentang bahayanya soalan-soalan jenis ini. Ramai kawannya yang tertangkap dijebak polis kerajaan dengan soalan-soalan menguji yang bersifat serampang dua mata.

Iqbal berselawat perlahan.

“Kalau mereka berjuang kerana Allah, untuk beroleh syahid, saya menyokong. Tapi kalau berjuang kerana nama dan mahu digelar pejuang bangsa, saya tidak suka.”

“Bagus jawapan kamu.”

“Terima kasih.”

“Tapi kamu nampak cenderung benar ke arah HAMAS. Itu sudah cukup untuk kami menahan kamu malam ini.

(Sesegar Nailofar, 2000, p.143-144)

Pelajar akan ditangkap jika menyokong HAMAS⁶. Iqbal ditangkap kerana membeli majalah *Falestin Muslimah* yang merupakan satu-satunya majalah yang jelas menyokong kuat perjuangan HAMAS. Iqbal bersuara untuk mempertahankan dirinya daripada ditangkap oleh Abu Mandoub. Iqbal memberitahu bahawa jika misi Albright untuk beroleh syahid, dia menyokong. Namun, jika sebaliknya, dia akan membantah. Jawapan tersebut membuatkan pegawai polis terus menangkap Iqbal. Melalui pemaparan situasi penangkapan Iqbal tersebut, menjelaskan bahawa berlaku kekejaman dalam kalangan masyarakat.

⁶ Kemunculan HAMAS sekitar tahun 1987 telah menyuntik semangat bagi pejuang dan pencinta Islam di bumi Palestin bagi membebaskan diri daripada cengkaman rejim Zionis Yahudi.

Seterusnya, dalam novel *Rona Bosphorus* juga menjelaskan kepada pembaca bahawa Barat sentiasa melakukan sesuatu terhadap Islam. Penulis mahu pembaca mengetahui manipulasi Barat terhadap tokoh pemimpin mereka yang sebenarnya hanya boneka kepada suatu kuasa yang lebih menguasai mereka iaitu pihak Yahudi. Misalnya, menghapuskan pembelajaran bahasa al-Quran dan ilmu-ilmu agama Islam kepada masyarakat Turki dengan cara merampas bangunan daripada menjadi sebuah madrasah. Fazil Hikmet yang menghadapi masalah kewangan ingin menjual bangunan madrasah tersebut. Taskin Holding mempunyai agenda yang tersembunyi ingin membeli bangunan tersebut bagi menghalang pengajaran di madrasah.

“Sebenarnya sejak dulu lagi, ada pihak yang cuba merampas bangunan itu daripada menjadi tapak madrasah. Tapi Sukur menolak semua tawaran demi hubungan baiknya dengan ayahku. Tapi bila Fazil mengambil alih warisan bapanya, syarikat mereka tiba-tiba menghadapi masalah kewangan. Dan kini ada pula tawaran daripada Taskin Holding untuk membeli seluruh bangunan ini dan tanah sekitarnya. Tujuan sebetulnya adalah untuk merampas bangunan ini dan dihalang daripada menjadi sebuah madrasah!”

“Taskin Holding?”

“Milik keluarga Mesut Taskin yang memang anti-Islam dan sekolah-sekolah agama. Namanya sahaja Islam, tapi sebenarnya berdarah Yahudi Dunmah. Di negara ini, banyak orang berbuat begitu untuk mengaburi mata umat Islam.


(Rona Bosphorus, 2002, p.40)

Seterusnya, kekejaman Yahudi dalam novel ini dapat dilihat menerusi penindasan terhadap orang Islam dengan menaikkan harga sewa rumah. Yahudi telah menaikkan sewa rumah Fahim sebanyak lima puluh peratus. Peningkatan harga yang tinggi menyebabkan Fahim tidak mampu membayar sewa tersebut dan terpaksa tinggal di rumah Afham.

“Diskriminasi lagi,” Memang dia nak tinas orang Islam yang tak berkemampuan! Afham menyeranah dalam hati. Siapa yang punya kerja kalau bukan Bulent Ozuzlu? Mereka itu memang sekutu rapat Mesut Taskin!

(Rona Bosphorus, 2002, p. 110)

Selain itu, Yahudi melaksanakan berbagai-bagai perancangan jahat. Antaranya berpura-pura menyertai Islam, tetapi dalam hati mereka tetap mengekalkan keyahudiannya. Kelompok ini digelar Yahudi Dunnama yang sedaya upaya menduduki jabatan tinggi dalam pemerintahan. Mereka menjatuhkan Empayar Uthmaniyyah, meracun Sultan Muhammad Al-Fateh, menyuntik semangat sekular dalam pemikiran umat Islam Turki, dan menggulingkan Sultan Abdul Hamid II pada tahun 1909. Yahudi Dunnama diketuai oleh Mustafa Kamal Atatürk dan membentuk pertubuhan yang dikenali sebagai *The Young Turks* pada tahun 1908 (Rajah 2).




Rajah 2: Sultan Othman Khan (1299-1326, kiri atas), Sultan Bayazid (1389-1403, kanan atas), Sultan Abdul Hamid II (1876-1909, kiri bawah), Sultan Mehmed Vahiduddin Khan (1918-1922, kanan bawah). (Sultansultan terakhir Empayar Usmaniyah telah mula meninggalkan pakaian sunnah termasuklah serban).

Sumber: *Bapa Pembangunan Turki Moden: Pendita Yang Hilang: Ideologi dan Kesan ke atas Rakyat Turki*, 1998:63

Pemaparan kekejaman Yahudi dalam kedua-dua novel menjadikan watak dalam novel ini sentiasa mencari jalan untuk menentang kemungkaran tersebut. Salah satunya membekalkan diri dengan ilmu yang cukup untuk menentang kekejaman tersebut samada melalui lisan mahupun perbuatan. Judul novel *Rona Bosphorus* dapat memberikan pengertian tentang karya sastera yang bernada protes dalam masyarakat Melayu yang membicarakan isu-isu Turki. Antaranya, penutupan madrasah, bahasa Arab dan kekejaman Yahudi. Perkara ini telah ditegaskan

oleh Zaid Akhtar menerusi akaun *facebooknya* (Rajah 3). Penulis novel memerihalkan kepada khalayak untuk membaca novel *Rona Bosphorus* yang berkaitan dengan isu pencerobohan yang sedang hangat berlaku di negara Turki. Selain itu, kekejaman yang berlaku di Turki mengegarkan dunia apabila media menyiarkan pencerobohan rampasan kuasa pada 16 Julai 2016 (<http://www.siakapkelip.com/2016/07/kemungkinan-berlaku-rampasan-kuasa.html>).

Dalam pencerobohan tersebut menyebabkan 265 terbunuh dan lebih 2000 orang cedera yang kebanyakannya adalah penduduk awam.



Rajah 3: Perkaitan isu Turki

Sumber: <https://www.facebook.com/zaidakhtar?fref=ts>

Batas Pergaulan

Selain itu, dunia remaja tidak dapat dipisahkan daripada fenomena percintaan dan kasih mengasihi antara lelaki dan perempuan. Pertumbuhan fizikal dan psikologi yang berlaku dalam diri remaja mempengaruhi perasaannya. Akal yang waras dan matang memainkan peranan penting untuk mengawal perasaan tersebut. Tindakan manusia banyak didorong oleh gerakan rasa dan hati. Akal yang berperanan sebagai

keupayaan memilih di antara keburukan dan kebaikan mesti dipadukan dengan hati yang melibatkan perasaan dalam mendidik insan supaya memenjadi manusia yang sempurna.

Secara umumnya, Islam adalah agama yang memelihara kehormatan lelaki dan perempuan. Islam telah meletakkan garis panduan yang cukup jelas tentang konsep hubungan antara jantina yang berlainan ini. Sesungguhnya Allah itu Maha Mengetahui kelemahan insan. Lalu Dia telah mengingatkan orang yang beriman serta umat Islam seluruhnya agar menjaga pandangan. Antaranya, intipati ayat 30 dan 31 Surah an-Nur, iaitu mengenai kaum lelaki yang beriman supaya menundukan pandangan mereka daripada memandang yang haram dan memelihara kehormatan mereka. Begitu juga dengan kaum perempuan yang beriman, Allah telah memerintahkan supaya menundukkan pandangan daripada memandang perkara yang haram dan memelihara kehormatan mereka. Allah juga telah menyuruh mereka supaya tidak memperlihatkan perhiasa tubuh kepada yang bukan mahram dan dilarang mereka untuk menghentakkan kaki dengan tujuan untuk menarik perhatian orang sekeliling. Ayat ini menunjukkan garis panduan untuk memandu manusia mengikutinya dengan patuh demi menjaga kehormatan manusia agar tidak terjerumus ke lembah yang membinasakan.

Sehubungan itu, ikhtilat (pergaulan antara lelaki dan perempuan) sering berlaku di mana-mana sama ada dalam menuntut ilmu, bergerak kerja berorganisasi, bidang pekerjaan, bersosial dengan masyarakat. Namun, masih ramai yang keliru dengan hukum sebenar dan batasan ikhtilat antara lelaki dan perempuan. Ada ulama' yang berpandangan bahawa haram, ada juga yang mengatakan bahawa harus. Bersesuaian dengan zaman yang semakin mendepani cabaran ini, lebih sesuai diambil hukum ikhtilat sebagai harus selagi mana dipatuhi syarat-syarat yang ditetapkan sebagaimana yang difatwakan oleh ulama' kontemporari, iaitu Syeikh Dr Yusuf Al Qaradhawi. Hal ini kerana ikhtilat adalah perkara fitrah, perkara ini tidak boleh dielakkan kerana manusia yang hidup di dunia ini saling memerlukan antara satu sama lain. Oleh yang demikian, perkara ini memerlukan etika yang betul supaya manusia tidak jatuh kepada jurang kebinasaan seperti penzinaan dan keruntuhan akhlak.

Menurut Yusuf Al Qaradhawi (2014, p.61), pertemuan ataupun perjumpaan di antara lelaki dan perempuan tidaklah diharamkan secara mutlak, bahkan harus mahupun dituntut jika tujuannya adalah mulia, memberi manfaat dan menambah amal soleh seperti menuntut ilmu, membawa kebaikan, dan perkara-perkara yang mana berhajatkan bantuan dan pertolongan dari kedua-dua belah pihak (lelaki dan perempuan) berlandaskan batas-batas, tujuan yang betul dan penguatkuasaan yang berkesan. Walaupun ikhtilat ini dibolehkan, namun ada batas-batas dan syariat yang telah ditetapkan oleh Islam iaitu, menjaga pandangan antara lelaki dan perempuan, mengenakan pakaian yang sopan, mematuhi adab muslim, tidak memakai bau-bauan, jangan berdua-duaan, dan mempunyai tujuan berjumpa.

Menyentuh mengenai hubungan lelaki dan perempuan dalam karya Zaid Akhtar, beliau telah memaparkan watak-watak yang menjaga batas-batas dalam pertemuan. Batas yang pertama ialah menjaga pandangan antara lelaki dan perempuan, tidak memandang kepada aurat, tidak juga memandang dengan syahwat, dan tidak memanjangkan pandangan jika tidak berhajat. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Katakanlah kepada orang laki-laki yang beriman: Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan memelihara kemaluannya; yang demikian itu adalah lebih suci bagi mereka, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang mereka perbuat. Katakanlah kepada wanita yang beriman: Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan kemaluannya.”

(QS. An-Nuur [24]:30-31)

Selesai fardu asar ditunaikan, Iqbal bergegas ke Bait Qatrunnada. Sebelum memasuki pintu pagar rumah yang dimiliki oleh seorang doktor itu, dia berpapasan dengan beberapa orang siswi. Mereka semua menunduk, merendahkan pandangan masing-masing apabila terlihatnya. Hormat atau malu barangkali.

(Sesegar Nailofar, 2000, p.19)

Lidah Nur Hazwani terkelu. Pandangannya diangkat juga sekali-sekala. Iqbal tersenyum. Betul-betul gadis ini mahu berbicara denganku? Berbicara tentang apa? Jika benar seperti

kata teman-teman, dia menyukai diriku, alangkah malangnya!
Engkau datang saat hatiku ingin melupakan sejarahku dengan
seorang perempuan!

“Lepas ini nak ke mana?”

“Balik.”

“Bukan itulah!” Nur Hazwani tersipu lagi, tetapi Iqbal belum pernah melihatnya tertawa sepa njang mereka berinteraksi selama ini. Memang gadis ini bijak mengawal diri.

(Sesegar Nailofar, 2000, p. 188)

Petikan di tersebut menggambarkan perilaku siswi yang sangat menjaga pandangan. Siswi menjaga pandangan apabila berselisihan dengan lelaki yang diwakilkan oleh watak Iqbal dalam petikan tersebut. Hal ini kerana, menjaga pandangan adalah saranan untuk menjaga hati agar terpelihara kesuciannya. Pepatah ada menyebut “dari mata turun ke hati.” Ertinya hasil daripada pandangan akan bersambung dan terkesan di hati. Jika pandangan itu baik, hati menerima kebaikan dan sebaliknya. Begitu juga dengan sikap Nur Hazwani yang menundukkan pandangan ketika berbicara dengan Iqbal. Menundukkan pandangan bukan bererti tidak boleh melihat sama sekali, tetapi terdapat perkara yang boleh dilihat dan tidak boleh dilihat. Perkara yang tidak boleh dilihat ialah pandangan yang berlebihan yang bukan keperluan dan akan membibitkan rasa. Manakala pandangan yang boleh dilihat ialah sesuai dengan keperluan dan batasan.

Selain itu, batasan pergaulan lelaki dan perempuan ialah seorang perempuan hendaklah sentiasa mengenakan pakaian yang disyariatkan dan sopan, menutupi seluruh badannya selain dua tangan dan wajah, tidak jarang (tipis) dan tidak menampak bentuk tubuh. Perempuan muslimah yang sopan berbeza dengan perempuan yang tidak elok perangnya. Perempuan yang berpakaian sopan akan dilindungi, dihormati dan disenangi orang lain. Lelaki ajnabi akan berasa segan untuk mengganggu perempuan tersebut. Dalam novel ini menonjolkan perwatakan sopan Nur Hazwani yang memakai tudung labuh. Nur Hazwani malu apabila disapa dengan Iqbal walaupun pernampilannya sudah lengkap. Perkara ini dikaitkan dengan sifat malu yang ada dalam diri seorang perempuan. Malu dan perempuan merupakan sesuatu yang

sangat dituntut dalam Islam. Oleh itu, antara cara mengukur sifat malu seorang perempuan ialah melalui cara pemakaiannya sama ada sopan atau sebaliknya.

Gadis itu terkejut. Mungkin tidak menyangka dia akan menegurnya mendadak begitu di hadapan pintu utama Kulliyah Adab itu. Melihatkan pelajar tidak ramai ketika itu, Nur Hazwani berhenti dan berpaling semula ke arahnya.

“Ada apa?”

“Terima kasih atas hadiah kek tempoh hari.”

Gadis bertudung labuh itu tersipu dengan paras sedikit merona merah. Dia seperti melihat sekuntum mawar sedang mengelopak segar.

(Sesegar Nailofar, 2000, p. 79)

Seterusnya, muslimah perlu menjaga pergaulan terutamanya semasa berjumpa dengan lelaki. Antaranya melalui percakapan, berjalan dan pergerakan. Dalam menjaga batasan pergaulan ini, perkara yang dapat dilihat dalam novel *Sesegar Nilofar* yang boleh diambil pedoman ialah adab bila lelaki mengunjungi rumah perempuan. Dalam novel ini digambarkan perilaku Iqbal yang mengunjungi rumah sewa Nur Hazwani. Terdapat batasan percakapan antara mereka. Nur Hazwani hanya bercakap di sebalik pintu dengan Iqbal. Mereka menjaga adab ini untuk mengelakkan daripada berlakunya fitnah. Sesetengah anak muda di Malaysia, terus mengajak kawannya masuk ke dalam rumah apabila berlaku pertemuan di rumah. Batasan kunjungan yang tidak dijaga akan mengundang keburukan dan fitnah daripada orang sekeliling. Batasan yang baik ini perlu dijaga oleh setiap remaja dalam pergaulan lelaki dan perempuan.

“Nur Hazwani ada?”

“Sekejap ya.”

Tiga minit menanti, terdengar suara halus memberi salam dari dalam. Pintu besi terbuka, tetapi orang di dalamnya tidak kelihatan. Iqbal menjawab salam dan pasti gadis itu sedang berdiri di belakang pintu. Dia cam suara Nur Hazwani. Dia menunggu gadis itu berbicara. Biasanya-semacam satu

kemestian yang dipengaruhi budaya tempatan- pelajar berlainan jantina akan bercakap dari belakang pintu jika bertemu di rumah. Tetapi jika bertemu di luar rumah, mereka akan berbicara seperti biasa tanpa hijab.

“Maaf mengganggu ustaz,” tuturnya sebagai mukadimah.

(Sesegar Nailofar, 2000, p. 20)

Seterusnya, seorang lelaki dan seorang perempuan berjumpa mestilah mempunyai teman di sisi mereka. Perkara ini ditegah dalam sebuah hadith sahih yang berbunyi “Sesungguhnya yang ketiga daripada keduanya ialah syaitan” (HR al Bukhari dan Muslim). Setiap pertemuan lelaki dan perempuan mestilah ditemani oleh kawan, saudara ataupun adik-beradik. Perilaku pergaulan dalam kalangan remaja sekarang sesetengahnya tidak lagi mahu berteman. Mereka merasakan apabila berteman akan membataskan percakapan dan perlakuan mereka antara lelaki dan perempuan. Mereka tidak memikirkan bahawa berdua-duaan akan berlakunya perkara maksiat. Oleh itu, akal memainkan peranan dalam mengawal emosi dan berbicara mengenai perkara yang berfaedah sahaja. Dalam novel ini memaparkan perwatakan remaja yang berteman apabila berjumpa.

Iqbal teragak-agak. Dia menolong bukan mengharapkan balasan ganjaran sebegini.

“Iqbal, ambillah, Wani dah bagi tu,” suruh Siti Marissa di belakang. Barangkali gadis itu juga resah menanti.

“Ambillah,” pinta Nur Hazwani sambil menengadahkan kepalanya sedikit.

(Sesegar Nailofar, 2000, p.118)

Iqbal menyedari mereka hanya berdua di situ. Kurang manis, meski bukanlah tempat tersorok. Apatah lagi beberapa temannya yang sedang berbual-bual di depan pintu dewan sesekali melepaskan pandangan ke arah mereka-menambah rasa kurang enak. Selalunya gadis ini lebih senang ditemani Siti Marissa atau Athira kadangkala. Tetapi mengapa hanya bersendirian petang ini? Barangkali gadis ini menunggu Siti Marissa yang bermesyuarat di atas, dia mengagak. Atau seperti kata Siti Marissa tadi, dia ingin bertemu denganku?

Walaupun berasa tidak selesa, ringan lidah Iqbal bertanya.
“Wani ke mana, lama tak nampak?”

(Sesegar Nailofar, 2000, p.187)

Dia terdengar rungutan gadis itu. “Kalau begitu, biar Emine yang ke sana.”

“Terpulang.” Dia tidak kuasa melarang. Dan tidak mahu ada yang berkecil hati. “Tapi jangan datang seorang.”

“Ya, Emine tahu, Islam melarang lelaki dan perempuan ajnabi berdua-duaan, mesti ada mahram. Fayda akan ikut sekali nanti.”

(Rona Bosphorus, 2000, p.140-141)

Pemaparkan perwatakan yang mengikuti batas pergaulan amat dititikberatkan. Adab perjumpaan Nur Hazwani berjumpa Iqbal ditemani oleh sahabatnya iaitu Siti Marissa. Begitu juga dengan watak yang dimainkan oleh Emine yang meminta Fadya menemaninya untuk berjumpa dengan Afham. Perkara ini harus diamalkan oleh semua golongan remaja untuk berjumpa antara satu sama lain. Setiap perjumpaan juga hendaklah mempunyai hajat. Misalnya, mesyuarat, perkara-perkara penting dan tidak memanjangkan dengan perkara luar daripada hajat seperti berbual-bual kosong, bergosip, ataupun perkara yang melalaikan.

“Tak mengapa. Er...Syahid yang suruh saya datang ni.” Iqbal lebih selesa menggunakan ganti nama “saya” walaupun kebanyakan pelajar menggunakan “ana” dalam perbualan. “Betul ustazah nak jumpa saya?” Dia pula sengaja menggunakan perkataan “ustazah”.

“Ya, bagaimana dengan kes Nora ... PERMAI dah dapat kesan di mana dia?”

“Oh. Wani pun tahu juga?”

“Ika yang beritahu. Tapi kes ini masih rahsia kan?”

Itulah masalah besar dalam kepala saya sekarang. Ingatkan lepas seminar tempoh hari, bolehlah berehat sedikit. Rupanya manusia ini terlalu banyak ragamnya.”

(Sesegar Nailofar, 2000, p.20-21)

Petikan tersebut memaparkan perjumpaan yang bertujuan. Syahid menyuruh Iqbal ke rumah Nur Hazwani. Perjumpaan ini adalah untuk menyelesaikan isu kehilangan siswi. Nur Hazwani ingin bertanya tentang meklumat pencarian Nora. Perjumpaan ini berlaku di rumah Nur Hazwani kerana kes kehilangan tersebut tidak disembarkan kepada orang luar. Hanya ahli PERMAI sahaja yang mengetahui perkara ini. Seterusnya, pertemuan antara Iqbal dan Nur Hazwani berlaku kerana Nur Hazwani ingin mengucapkan terima kasih kepada Iqbal. Iqbal telah menyelamatkan Nur Hazwani yang terjatuh semasa rombongan menunaikan umrah. Dalam novel *Rona Bosphorus* pula memaparkan perjumpaan antara Afham dengan Amal Hayati yang bertujuan untuk memberitahu masalah pelajar.

“Amal nak jumpa ana?”

Amal Hayati mendongak sebelum mengangguk. Dia perasan ada redum di wajah perawan yang telah menghafaz al-Quran tiga puluh juzuk itu. Tidak damai bagai selalunya.

“Ana... ana sebenarnya nak minta Afham tolong ambil kelas 3 Badar.”

(Rona Bosphorus, 2002, p.37-38)

Penekanan untuk menjaga batas-batas adalah lebih kepada kaum perempuan tanpa mengabaikan peranan kaum lelaki dalam memelihara batas-batas pergaulan. Seperti yang sedia maklum bahawa perempuan yang tidak menjaga diri dengan baik akan mudah terdedah kepada fitnah. Sabda Rasulullah SAW, “Tidak aku tinggalkan suatu fitnah sesudahku yang lebih merbahaya kepada kaum lelaki melainkan godaan wanita” (HR al Bukhari dan Muslim). Oleh itu, mereka yang bergelar perempuan, wanita, muslimah dan mukminah, hendaklah memelihara diri dan sentiasa menjaga batas-batas syariat dalam pergaulan seharian supaya tidak mudah terdedah dan terjerumus dengan kebinasaan. Mencegah itu lebih baik daripada mengubati. Jagalah batas-batas pergaulan agar tidak terlanjur memendam rasa. Berusahalah membataskan komunikasi dengan urusan-urusan yang penting, jangan sekali mencari alasan dan agenda untuk bertemu.

Etika *Tu'minunabillah*

Remaja perlu dididik dengan asas keimanan yang kukuh untuk memilih jalan hidup ke arah ketenangan dan keharmonian yang hakiki. Hal ini kerana, jiwa remaja yang kosong akan memudahkan remaja dipengaruhi dan tidak ada kekuatan untuk melawan keinginan nafsu. Apabila keimanan dipancarkan ke dalam hati, remaja dapat memilih dan dapat membezakan sesuatu perbuatan itu baik atau tidak. Kebaikan dan kemuliaan tingkah laku seseorang muslim akan menarik masyarakat untuk lebih mengenali dan mencintai agama Islam. Secara tidak langsung, penampilan watak yang baik dan mulia telah menjadi salah satu cara mentarbiyahkan remaja. Perwatakan dan akhlak yang baik menjadi ikutan ramai seperti akhlak Nabi Muhammad SAW. Walau bagaimanapun, akhlak yang baik dan buruk telah diceritakan dalam al-Quran adalah untuk memberikan pengajaran dan pedoman kepada umat Islam (Mohamed Anwar Omar Din, 2004)⁷.

Etika *tu'minuna billah* (beriman kepada Allah) dinamakan “transendensi” kerana menuntut manusia untuk kembali kepada ‘spiritual’. Dalam agama Islam, ‘spiritual’ merujuk kepada enam kepercayaan yang membentuk rukun iman. Kuntowijoyo berpandangan (2004: 16), transendensi boleh menjadi sumbangan utama Islam kepada dunia moden, iaitu dengan memanusiaikan teknologi. Memandangkan dunia hari ini penuh dengan dehumanisasi dan kemungkarannya, “transendensi dipercayai dapat menyelamatkan manusia daripada kedua-dua masalah tersebut dengan berpegang kembali kepada paksi ‘spiritual’. Justeru, gagasan Sastera Profetik ini menggabungkan ketiga-tiga etika ini dan tidak terpisah antara satu sama lain berdasarkan konsep *kaffah*.

⁷ Antara surah yang menyatakan tentang pengajaran dan pedoman dalam al-Quran ialah surah al-Kahfi: 2. Ayat ini menyatakan bahawa al-Quran memberikan dua peringatan iaitu berita baik dan berita buruk. Berita baik merupakan segala perbuatan yang disukai Allah dan diberikan ganjaran pahala. Berita buruk pula, segala perbuatan yang tidak disukai oleh Allah dan akan diberikan balasan siksaan neraka di hari akhirat sebagaimana firmanNya:

“(Bahkan keadaannya) tetap benar lagi menjadi pengawas; turunnya al-Quran untuk memberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar) dengan azab yang seberat-beratnya dari sisi Allah, dan berita gembira kepada orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka akan beroleh balasan yang baik.” (QS. al-Kahfi [18]:2)

Setiap akhlak baik yang dilakukan merupakan inisiatif diri sendiri demi untuk mendapatkan balasan pahala dari Allah. Dalam usaha untuk mengerjakan akhlak yang baik, manusia mestilah terlebih dahulu menyucikan diri dan kualiti diri dengan beriman kepada Allah. Kuntowijoyo (2004), menegaskan umat Islam perlu beriman kepada Allah kerana umat Islam selayaknya meletakkan Allah sebagai pemegang autoriti.

Oleh yang demikian, bahagian ini melihat aspek keislaman yang dimanfaatkan pengarang dalam mewujudkan keperibadian remaja Islam yang baik. Antara aspek tersebut ialah sabar, syukur, rajin berusaha, keinsafan, bersangka baik dengan ketetapan Allah, tolong-menolong dan musyawarah. Justeru kedua novel *Sesegar Nailofar* dan *Rona Bosphorus* akan dianalisis melalui kerangka gagasan Sastera Profetik iaitu *tūminunabillah* (beriman kepada Allah).

Sabar

Novel *Sesegar Nailofar* dan *Rona Bosphorus* yang memerihalkan kesabaran kehidupan remaja di perantauan yang menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan hidup. Sabar dalam konteks Islam adalah salah satu dari sifat mahmudah yang perlu dan mesti wujud dalam diri setiap umat manusia untuk dihayati dan diamalkan dalam kehidupan seharian. Sifat sabar banyak dinyatakan dalam al-Quran seperti surah Luqman (31:17)⁸, surah Ali' Imran (3: 200)⁹, surah al-Zumar (39: 10)¹⁰ dan ayat-ayat lain.

⁸ Allah menggesa para hamba-Nya agar teguh dan menguatkan kesabaran dalam menempuh badai kehidupan. Allah berfirman yang bermaksud: *Dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu* (QS. Luqman [31]:17).

⁹ Allah menggesa hamba-Nya bersabar dalam melakukan amal kebajikan dan juga ketika berada di medan tempur. Allah juga menginginkan para hamba-Nya meningkatkan kesabaran mengatasi kesabaran musuh. Allah berfirman yang bermaksud: *Wahai orang yang beriman, bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara kebajikan) dan kuatkanlah kesabaran kamu (lebih daripada kesabaran musuh, di medan perjuangan) dan bersedialah (dengan kekuatan pertahanan di daerah-daerah sempadan) serta bertawaklah kamu kepada Allah, supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan)* (QS. ali-Imran [3]: 200).

¹⁰ Allah menjanjikan kepada orang yang bersabar dalam menghadapi dugaan hidup bahawa mereka akan mendapat balasan yang banyak sehingga tidak terkira. Allah berfirman yang bermaksud: *Sesungguhnya orang yang bersabarlah sabaja yang akan disempurnakan pahala mereka dengan tidak terkira* (QS. al-Zumar [39]: 10).

Merujuk aspek sabar dalam novel *Sesegar Nailofar*, Zaid Akhtar memanfaatkan watak Iqbal sebagai Setiausaha PERMAI (Persatuan Mahasiswa Malaysia Irbid). Sebagai seorang yang diberi amanah dan tanggungjawab terhadap PERMAI, Iqbal tidak ketinggalan dalam menyelesaikan masalah kehilangan siswi yang bernama Nora. Iqbal bertindak dengan sabar dalam mencari siswi yang hilang itu. Segala perlakuannya disertai dengan doa agar dipermudahkan urusan pencariannya dan tidak bertindak melulu. Dalam menghadapi masalah ini juga, Iqbal dan Syahid meminta pertolongan daripada exco persatuan pelajar Jordan yang lain.

“Setakat ni, saya dah hubungi setiausaha setiap persatuan pelajar kita di seluruh Jordan, mereka berjanji akan memberi maklum balas esok,” tambah Iqbal.

“Mengapa lama sangat?”

“Kenalah bersabar. Fikir pelajar Malaysia di sini sorang dua?”

Iqbal tersenyum sendiri. Fikirannya berkomentar, agaknya perempuan memang jarang cuba belajar bersabar. Sering kali emosi yang didahulukan.

(Sesegar Nailofar, 2000, p.18)

Menerusi petikan tersebut menggambarkan kesabaran yang terdapat dalam diri Iqbal untuk menyelesaikan masalah kehilangan Nora. Iqbal tidak menggunakan emosi seperti rakan perempuannya yang tidak mempunyai kesabaran dalam mendapatkan maklumat tentang kehilangan Nora. Hal ini kerana, emosi menguasai diri untuk bertindak dengan lebih agresif seperti bergaduh, bermasam muka dengan orang lain. Remaja beremosi dalam menyelesaikan masalah akibat daripada keraguan, kebimbangan, tertekan dan gementar. Setiap manusia yang hidup menghadapi masalah. Perkara ini adalah sebahagian daripada senario yang ditentukan Allah untuk menunjukkan tanda-tanda kebasaran dan kemuliaannya. Masalah ini diberikan kepada sesiapa sahaja tidak mengira usia, pangkat, darjat dan kemewahan. Setiap masalah yang diberikan agar manusia menggunakan pemikiran dan bertindak dengan waras untuk menyelesaikan masalah tersebut. Kesabaran dalam menghadapi kesulitan tersebut dapat menemukan Nora yang bersembunyi di rumah Nusaibah.

Kesabaran pada watak Afham dalam novel *Rona Bosphorus* pula dapat dilihat apabila harus berusaha sekuat tenaga untuk meneruskan pembelajaran di Istanbul. Afham harus kuat membanting tulang untuk menyara kehidupannya. Antara perkara yang dilakukan ialah mengajar sambil di madrasah dan menjadi pemandu pelancong. Namun Afham mendapat cabaran dalam mendepani pelajarannya untuk memberi pendidikan bahasa Arab yang kian dipinggirkan. Afham seorang yang berjiwa besar sanggup bersabar dan menolong untuk menggantikan pengajaran Bahasa Arab di kelas 3 Badar. Ia berikutan Amal Hayati tidak tahan dengan kerenah pelajarannya yang yang tidak minat belajar kerana pelajarannya menganggap bahasa Arab sudah tidak mempunyai kepentingan kepada mereka. Perkara ini diatasi dengan merancang untuk mengadakan motivasi untuk memberi semangat tentang kepentingan bahasa al-Quran ini kepada para pelajar.

“Sesuatu yang boleh mengubah tanggapan pelajar. Yang boleh memberi input positif kepada subjek Bahasa Arab.”

Khali seketika. Guru-guru yang lalu lalang di depan bilik guru tidak membenakan mereka.

“Motivasi?”

“Ya, kita belum pernah buat program motivasi bahasa Arab kepada pelajar selama ini. Setahu ana, belum sekali pun dalam sejarah sepuluh tahun madrasah. Apa salahnya kita mulakan langkah baru?”

(Rona Bosphorus, 2002, p.18)

Menerusi petikan tersebut, menggambarkan sifat jihad dalam diri Afham yang bersabar dalam menempuhi cabaran dalam pengajaran bahasa Arab. Reformasi bahasa dilaksanakan dengan mengikis pengaruh Islam daripada kehidupan rakyat Turki. Segala istilah Arab yang menjiwai bahasa Turki Uthmaniyyah dilenyapkan penggunaannya. Hal ini kerana ingin mentamadunkan bahasa Turki setanding dengan bahasa-bahasa Eropah. Dalam fenomena ini, tulisan Rumi diwajibkan dan huruf al-Quran diharamkan. Afham tidak mahu bahasa tersebut dipinggirkan. Oleh itu, dia berfikir melakukan sesuatu untuk menyelamatkan bahasa Arab dengan mengadakan motivasi kepada para pelajarannya. Seseorang remaja tidak seharusnya berasa lemah dan putus semangat dengan apa jua halangan,

rintangan dan cabaran yang ditempuhi dalam menjalani kehidupan. Remaja jangan cepat menyerah kalah apabila berhadapan dengan cabaran dan ujian hidup. Remaja hendaklah yakin bahawa setiap ketentuan dan takdir Allah mengandungi hikmat yang tidak terjangkau oleh akal fikiran.

Kesimpulan

Novel *Sesegar Nailofar* dan *Rona Bosphorus* merupakan novel motivasi yang harus dibaca generasi remaja hari ini. Novel ini menceritakan perjalanan kehidupan remaja berpegang teguh kepada agama yang dianutinya dan menerapkan akhlak terpuji dalam kehidupannya. Di samping itu, novel ini menggambarkan semangat jihad remaja yang dapat ditemukan dalam pendidikan, menyampaikan ilmu dan memerangi musuh Islam. Remaja dalam novel ini dilihat memikul tanggungjawab jihad dengan bersungguh-sungguh sehingga terserlah akhlak mulia. Jihad remaja merupakan suatu kekuatan yang berkesan, mampu mencipta *khawarij* (perkara yang luar daripada adab kebiasaan) dan keajaiban yang mampu merealisasikan pelbagai matlamat.

Etika *amar makruf* ditonjolkan dengan kemuliaan watak untuk mencapai keberkatan Allah melalui usaha yang dilakukan terhadap pembangunan agama Islam seperti menyebarkan ilmu agama, menyediakan tempat belajar. Kekuatan ini mampu menentukan nasib sesuatu bangsa. Etika *nahi mungkar* diterapkan dalam pergaulan dan kekejaman Yahudi yang termasuk dalam tema liberasi. Hal ini kerana, seseorang yang mampu mengatasi hawa nafsunya akan menjadi kuat untuk melawan nafsu yang mengajak ke arah keburukan. Tidak ada perkara yang boleh meruntuhkan kejahatan melainkan dengan beriman kepada Allah yang boleh dilihat menerusi konsep sabar yang diterapkan oleh watak dalam kedua-dua buah novel ini. Sabar adalah terbina daripada *amar makruf* dan *nahi mungkar* yang menjadi puncak yang membawa seseorang hamba mengimani Allah. Jelaslah, novel ini memperlihatkan keterikatan *kaffah* yang ditonjolkan remaja dalam menguruskan perjalanan kehidupan dengan melaksanakan jihad.

Bibliografi

- t.p. Al-Qur'an. (2012). *Tajwid dan Terjemahan*. Semenyih: Humaira Bookstore Enterprise.
- t.p. *Shahih Bukhary*. (2009). Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- t.p. (2013). Khutbah Jumaat: "Kepentingan Solat Dalam Kehidupan Sehari-hari." Khutbah Online – PORTAL PENGURUSAN MASJID. Jabatan Agama Islam Selangor, diakses dari [http://e-majlis.jais.gov.my/uploads/uploads/KhutbahJumaat\(Rumi\)05042013.pdf](http://e-majlis.jais.gov.my/uploads/uploads/KhutbahJumaat(Rumi)05042013.pdf) pada 20 Mei 2016.
- Ahmadi Al-Aziz. (1998). *Bapa Pembangunan Turki Moden: Pendita yang Hilang Kamal Ataturk: Ideologi dan Kesan Ke Atas Rakyat Turki*. Setapak: Usnie Publisher.
- Asmawati Suhid. (2009). *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam: Konsep dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Haron Din, Abu Hassan Din al-Hafiz, Ishak Din. (2007). *Dato' Dr. Haron Din Menjawab Persoalan Fikah Harian*. Batu Caves: PTS Litera Utama.
- Jaffary Awang & Kamarudin Salleh. (2007). *Pemikiran Islam dan Isu-Isu Semasa*. Bangi: Jabatan Usuludin dan Falsafah.
- Kuntowijoyo. (2001). *Paradigma Islam Interpretasi untuk Aksi*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Kuntowijoyo. (2004). *Ilmu Sosial Profetik Sebagai Gerakan Intelektual*. Kajang: Akademi Kajian Ketamadunan.
- Mohamed Anwar Omar Din. (2004). *Sastera Islam Citra Nurani Ummah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noraziah Sharuddin. (2002). *Forum Memori Korporat UTM*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

- Nurul Aini K. Azhari. (2006). *Mengurus Diri dan Masa*. Batu Caves: PTS Litera Utama.
- Shahnon Ahmad. (1981). *Kesusasteraan dan Etika Islam*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Siapakeli. Diakses dari <http://www.siapakeli.my/2016/07/kemungkinan-berlaku-rampasan-kuasa.html> pada 17 Julai 2016.
- Siti Suhailah Hamzah. (2012). *Wanita dalam Salju Sakinah: Kajian Feminisme*. Jabatan Persuratan Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tajul Ariffin Nordin, Roslee Ahmad & Rahimawati Abdul Rahim. (2007). *Membina Pelajar Cemerlang: Evolusi Pembelajaran Sepanjang Hayat*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2010). *Kedudukan Ilmu dalam Kesusasteraan: Teori dan Praktis*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu.
- Yusuf al-Qaradhawi. (2014). *Fatwa untuk Wanita*. Batu Caves: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Zaid Akhtar. (2000). *Sesegar Nailofar*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Zaid Akhtar. (2002). *Rona Bosphorus*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf. (2012). Faktor Persekitaran Sosial dan Hubungannya dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari Special Edition* 4(1): 155-172.
- Zaid Akhtar. Diakses dari <https://www.facebook.com/zaidakhtar?fref=ts> pada 5 Mei 2016.
- Diakses dari <http://www.mynewshub.cc/2016/04/21/video-sekumpulan-pelajar-serang-guru/> pada 5 Mei 2016.